

**Pastikan BN Dapat Mandat Lebih Dua Pertiga - Dr Mahathir
Bernama
30 April, 2013**

KUALA LUMPUR, 30 April (Bernama) -- Rakyat perlu memastikan Barisan Nasional (BN) mendapat mandat lebih dua pertiga di Parlimen pada pilihan raya umum ke-13 (PRU13) bagi membolehkannya berada pada kedudukan kukuh untuk mentadbir negara, kata Tun Dr Mahathir Mohamad hari ini.

Bekas perdana menteri berkata kemenangan itu penting untuk BN melaksanakan segala dasar yang dirancang untuk kebaikan rakyat dan negara.

Merujuk kepada pilihan raya umum 2008 yang menyaksikan kerajaan BN kehilangan majoriti dua pertiga, beliau berkata situasi itu sedikit sebanyak menyukarkan kerajaan BN dalam melaksanakan dasar yang dirancang.

"Oleh kerana kerajaan berada dalam keadaan kurang kuat maka kerajaan terpaksa melayan sedikit sebanyak desakan daripada penentang dasar-dasar kerajaan," katanya.

Beliau berkata demikian ketika menjawab soalan hadirin pada pelancaran buku bertajuk 'Blog Merentas Halangan Buku 2: Hak Seorang Warganegara' yang menghimpunkan sebahagian artikel beliau yang disiarkan dalam blognya chedet.com sejak 2008 hingga 2012 di sini.

Dr Mahathir turut meminta rakyat Malaysia terutamanya golongan muda memilih BN iaitu parti yang telah banyak berjasa kepada negara pada PRU13 Ahad ini.

"Saya harap semua akan pangkah parti yang telah berjasa kepada anda, ibu bapa anda dan negara iaitu BN," katanya.

Beliau berkata Malaysia mampu mencapai Wawasan 2020 yang diasaskannya kerana kerajaan BN pada masa sekarang melakukan pelbagai usaha untuk menjadinya sebagai suatu realiti.

"Pemimpin sekarang masih sebut-sebut (mengenai) Wawasan 2020 dan usaha sungguh-sungguh dibuat, itu (antara) petunjuk (bahawa) kita berada di landasan yang betul.

"Tetapi sudah tentu ada pendekatan-pendekatan yang mungkin berbeza sedikit daripada yang diharapkan, namun saya yakin Malaysia masih boleh mencapai Wawasan 2020 genap tahun 2020," katanya.

Buku dwibahasa setebal 364 muka surat yang diterbitkan Berita Publishing Sdn Bhd dan MPH Group Publishing itu boleh didapati di kedai buku seluruh negara dengan harga RM25 senaskhah.

-- BERNAMA

Copyright © 2013 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v7/bm/newsindex.php?id=946536>

